

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan harus berwaspada dan berhati-hati melaksanakan Dasar Pandang ke Timur supaya kedua negara yang dicontohi itu — Jepun dan Korea Selatan tidak bongkak atau tamak apabila Malaysia terlalu mengistimewakan mereka.

Kerajaan juga perlu mengkaji secara kritis supaya kedua negara tersebut hanya memberi sesuatu yang baik dan boleh dicontohi, bukan sebaliknya.

Ini adalah pandangan tiga ahli penal Debat Agung Ekonomi Ke-12 yang membincangkan tajuk 'Dasar Memandang ke Timur Antara Politik dan Pertimbangan Yang Rasional' di Universiti Malaya di sini, malam tadi.

Mereka ialah Prof Madya Dr. Jomo Sundram (Universiti Malaya), Dr. Tan Seng Glaw (DAP) dan Encik Mustafa Ali (PAS). Seorang lagi ahli penal ialah Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi (UMNO).

Dr. Jomo menegaskan, aspek-aspek etika kerja, perhubungan perusahaan, kesetiaan kepada majikan yang ingin dicontohi itu adalah sesuatu yang baik dan patut dicontohi.

Dari segi pemindahan teknologi, ujarnya, Jepun agak kedekut dan sukar memindahkannya begitu mudah kepada rakyat Malaysia.

"Saya khuatir jika kita terlalu mengharapkan pagar, maka pakar akan

Kerajaan digesa hati2 pandang ke Timur

makan padi," tegasnya lagi.

Bellau meminta kerajaan mengkaji secara kritis supaya tidak melupakan Barat apabila terlalu ghalrah memandang ke Timur.

"Barat dan Timur ada baik buruknya. Kita ambil saja yang baik dan meninggalkan yang tidak baik," jelasnya.

Dr. Tan Seng Glaw pula meminta kerajaan khususnya pucuk pimpinan 2M berwaspada supaya memandang ke Timur itu tidak menjadi 'terlepas dari mulut hari-mau, masuk ke mulut buaya'.

Menurutnya, ada sesuatu yang tidak baik terhadap Jepun iaitu sifat tamak dan tidak berperikemanusiaan. "Apa juga projek Jepun atau secara usahasama, negara itu akan mengaut keuntungan sebanyak mungkin dengan modal paling minimum," tegasnya lagi.

Bagaimanapun, beliau

mengakui, banyak yang boleh dicontohi menerusi Jepun dan Korea Selatan termasuk perhubungan buruh, etika kerja, pengawafan mutu barangan dan penghantaran barang tepat pada masanya.

Sistem buruh bebas yang diamalkan di Jepun sekarang, katanya, adalah punca utama negara itu maju di bidang perindustrian. "Para pekerja Jepun sanggup mengorbankan kepentingan peribadi tanpa mengira upah atau gaji lebih. Mereka berkhidmat untuk masyarakat dan negaranya," ujar beliau lagi.

Encik Mustafa Ali pula menegaskan, kerajaan harus berhati-hati melaksanakan dasar itu dan memikirkankan kemungkinan-kemungkinan sifat tamak dan putar-belit orang-orang Jepun.

"Kita juga jangan terlalalu mengistimewakan Jepun kerana negara itu akan bersikap sombong dan mungkin 'jual mahal' dalam bidang-bidang tertentu," katanya.

Beliau bimbang, rakyat tidak faham konsep pandang ke Timur itu.

Encik Mustafa meminta kerajaan memberi penerangan yang lengkap mengenai dasar itu menerusi jentera media massa rasminya.

Dari segi ke-sungguhan bekerja tegasnya, "Kita tidak harus tertumpu kepada Jepun saja kerana nilai-nilai Islam telah lama mengajar kita supaya amanah dan rajin bekerja."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia